

BAB III

BIOGRAFI DATO' HAJI ISMAIL YUSOFF

BAB III

BIOGRAFI DATO' HAJI ISMAIL YUSOFF

Nama Dato' Haji Ismail sebaris dalam angkatan ulama' era pra kemerdekaan yang dilahirkan dari institusi pengajian Islam tradisional di bawah bimbingan tokoh-tokoh ulama' Kelantan seperti Tok Khurasan, Tok Kenali dan lain-lain. Sepanjang hidupnya beliau telah menghabiskan usia untuk ilmu pengetahuan dan menyebarkannya kepada masyarakat sama ada dalam bentuk pengajaran secara formal di sekolah, penulisan makalah dan buku-buku serta mengajar di masjid-masjid seluruh negeri Kelantan.

Beliau merupakan seorang tokoh pendidikan Islam Kelantan dan banyak menabur jasa kepada masyarakat Islam tanah air. Latar belakang kehidupannya melambangkan kehidupan seorang ulama' yang alim dalam ilmu agama serta wara' dalam menjalani kehidupan dunia. Hasil dari didikannya telah lahir angkatan ulama' muda dalam dekad 70-an dan 80-an yang jasa-jasa mereka masih dapat dirasai oleh umat Islam kini.

Ketokohan beliau dalam ilmu Islam dapat dilihat pada penampilan dan penulisan yang dihasilkan. Benih yang baik itu telah menular kepada anaknya yang kini merupakan seorang profesor Pengajian Islam di sebuah universiti tempatan. Seorang ulama' yang berpandangan jauh dan amat sederhana dalam perkara-perkara *khilafiyat* tetapi tegas dalam perkara dasar.

1. KETURUNAN DAN LATAR BELAKANG KELUARGA

Nama penuh beliau ialah Haji Ismail bin Haji Yusoff¹ bin Mat Diah. Bagi masyarakat Kelantan beliau lebih dikenali dengan panggilan Tok Peti Haji Wea. Panggilan "Tok Peti" itu adalah ringkasan dari Dato' Mufti dan Wea adalah nama singkatan kepada semua orang yang bernama Ismail dalam panggilan orang Kelantan.

Dato' Haji Ismail telah dilahirkan pada tahun 1915 bersamaan 1333 H di sebuah kampung yang bernama Kg. Gong Kemuning dalam jajahan Pasir Puteh.² Pada tahun kelahirannya telah berlaku dua peristiwa yang amat bersejarah dalam lipatan sejarah Kelantan. Penentangan penduduk Pasir Puteh terhadap sistem cukai British pada awal tahun tersebut yang dipimpin oleh Tok Janggut dan pada penghujung 1915 tertubuhnya Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan di mana 50 tahun kemudian beliau adalah seorang Mufti bagi badan agama itu.

Beliau merupakan anak sulung dari empat orang adik beradik seibu sebapa. Mereka ialah almarhum Dato' Haji Ismail, Halimah, Haji Muhammad Nor (imam masjid Bkt. Yong, Pasir Puteh. Kini diserang penyakit strok seluruh tubuh)³ dan Zawiah. Setelah kematian ibunya, ayahnya beliau telah mengahwini seorang wanita

¹ Mengenai ejaan nama ayahnya terdapat berbagai ejaan, Antaranya *Yusof*, *Yusoff*, *Yusuf*, dan *Yusuff*. Ejaan yang betul ialah "Yusoff" setelah mendapat kepastian dari anaknya En. Muhammad Hilmi semasa ditemuramah di rumah beliau di Kg. Sireh, Kota Bharu pada 10hb. Mac 2002 dan Temuramah dengan adiknya Sahimi bin Haji Jusoh pada 1hb. Jun 2002 serta ejaan tersebut terdapat pada surat anugerah pingat dari baginda sultan Kelantan.

² Muhammad Yunan bin Haji Mahmud (1988), *Biografi Tokoh Pendidikan Yayasan Islam Kelantan dari Tahun 1979 hingga 1988*, Kota Bharu : Yayasan Islam Kelantan, h. 99.

³ Penulis menziarahi beliau di rumahnya di Bukit Yong, Pasir Puteh pada 26hb. April 2002.

dari Kg. Canggal, Gaal, Pasir Puteh. Ibu tirinya bernama Mariam binti Salleh.⁴ Hasil dari perkahwinan tersebut, almarhum mendapat dua orang adik iaitu Muhamad Sahimi (Pesara Makanik Tentera) dan Nuruddin (Pegawai Unit Agama di Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan). Keluarga beliau adalah sebuah keluarga yang patuh dan taat kepada ajaran agama.⁵

Ayahanda beliau Haji Yusoff bin Mat Diah merupakan seorang yang amat dikenali ramai di kampungnya dan mempunyai pelbagai kebolehan, seperti : bertukang, membuat terompah, kreatif dalam menggubah barang-barang terpakai dan suka bercucuk tanam. Disamping itu beliau juga seorang bilal di surau Kg. Gong Kemuning.⁶ Mengikut cerita dari anaknya, Muhamad Sahimi mengatakan bahawa keturunan keluarganya bermula dari datuknya iaitu Mat Diah berasal dari Sulawesi di mana beliau telah datang ke semenanjung bersama dengan Raja Haji.⁷

Ibunya bernama Safiah binti Omar yang berasal dari kampung yang sama. Beliau adalah anak kesayangan ibu bapanya kerana kepintaran dan perangainya yang baik. Menurut cerita, ibunya Safiah binti Omar anak kepada seorang perantau daripada Minangkabau Sumatera yang telah datang ke Kelantan pada penghujung

⁴ Temuramah dengan Zawiah binti Haji Yusoff di rumah beliau di Kg. Gong Kemuning, Pasir Puteh pada 26hb. April 2002.

⁵ Muhamad Yunan bin Haji Mahmud (1988), *op.cit.* h. 99 – 100.

⁶ Temuramah dengan Muhamad Sahimi bin Jusoh, 53 tahun di rumah beliau di Kg. Cerang, Kota Bharu pada 1hb. Jun 2002.

⁷ *Ibid.*

abad ke-19 bersama saudaranya Tok Kundur. Datuknya Haji Omar merupakan seorang yang disegani dan dipandang mulia oleh masyarakat sekitar pada ketika itu.⁸

2. PERKAHWINAN

Ketika berusia 21 tahun, beliau telah menamatkan pengajian di pondok masjid Muhammadi. Setelah itu beliau dijodohkan dengan Hajah Che Hawa binti Che Muhamad dari kg. Sireh, Kota Bharu. Anak kepada seorang pegawai kerani di pejabat kewangan negeri. Walaupun dalam usia yang muda dan perkahwinan yang baru saja dilangsungkan, kerana cintakan ilmu Dato' Haji Ismail telah meninggalkan isterinya yang dikasih untuk menyambung pelajaran di bawah naungan Kaabah. Pada ketika itu isterinya sedang mengandung anak sulung beliau yang diberi nama Muhd. Hilmi.

Hasil dari perkahwinan itu beliau telah dianugerahkan tiga orang cahaya mata seorang putera dan dua orang puteri. Anak sulungnya bernama Muhammad Hilmi, bekas seorang guru besar sekolah kebangsaan. Anak keduanya bernama Paizah, mendapat M.A Syariah Islamiah dari universiti Al-Azhar dan kini seorang Profesor Madya di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya juga merupakan isteri kepada anak muridnya Profesor Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid. Anak bongsunya Hasniah lepasan sekolah Naim Lil Banat, Kota Bharu.

⁸ Abdul Razak Mahmud (1996). "Dato' Haji Ismail Dalam Kenangan", dalam Ismail Che Daud (ed.) *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (2)*. Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 334.

3. LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

Pendidikan masyarakat Kelantan pada dekad-dekad sebelum merdeka lebih tertumpu kepada pengajian Islam tradisional. Ukuran kealiman seseorang itu dilihat pada tempoh pengajian, nama guru-gurunya, kitab-kitab yang telah dipelajari semasa memondok dan kemuncak pengajian Islam pada masa itu adalah belajar di Mekah. Untuk melihat latar belakang pendidikan Dato' Haji Ismail penulis membahagikan peringkat pendidikan beliau kepada dua peringkat. Pertama : Pendidikan di tanah air. Kedua : Pendidikan di tanah suci Mekah.

3.1 Pendidikan di Tanah Air

Semenjak dari kecil beliau telah mendapat asuhan agama dari ayahnya yang merupakan seorang bilal kampung. Beliau diajar perkara asas agama dan membaca al-Quran oleh ayahnya hingga khatam al-Quran. Ketika berusia sembilan tahun iaitu pada tahun 1924 beliau telah memasuki sekolah Melayu Bukit Awang, Pasir Puteh hingga tamat darjah 3.⁹

Semasa di sekolah Melayu beliau merupakan seorang murid yang maju dalam pelajaran dan sentiasa mendapat hadiah setiap tahun. Beliau merupakan seorang murid yang disayangi oleh guru-gurunya. Oleh kerana kepintarannya dalam pelajaran beliau telah ditawarkan untuk menyambung pelajaran di sekolah Melayu Pasir

⁹ Peringkat pengajian sekolah rendah yang tertinggi dalam sistem pendidikan pada masa itu. Sekolah tersebut terletak lebih kurang 3 KM dari rumah beliau.

Puteh.¹⁰ Kecerdikan dan kebolehannya itu telah dikesan oleh ayahnya semenjak kecil lagi dan sebagai seorang lebai beliau mahu kepintaran anaknya itu disumbangkan kepada kepentingan agama Islam, oleh sebab itulah ayahnya menghantarnya ke pondok agar suatu masa nanti anaknya akan menjadi seorang ulama'.

Setelah menamatkan pengajian di sekolah Melayu Bukit Awang, beliau sering berulang alik ke rumah Haji Abdul Samad (suami emak saudaranya) untuk belajar membaca al-Quran buat kali keduanya (*Berbalik*). Seawal umur 13 tahun beliau telah meninggalkan keluarga untuk belajar di pondok Tuan Guru Haji Muhamad bin Haji Umar, Gong Kemudu, Pasir Puteh.¹¹ Di sana beliau belajar beberapa mata pelajaran asas dalam sistem pengajian pondok seperti *Nahu Dammun Raf'un*, *Mukhtaṣar Jiddan*, *Mutammimah* dengan menghafal matan-matannya dan beberapa kitab jawi antaranya *Furū'* *al-Masāil*.¹²

Pada tahun 1929 beliau merantau ke Kg. Kenali, Kubang Kerian untuk belajar di pondok Tok Kenali. Beliau begitu tekun mengikuti halaqah pengajian dan amat berminat untuk mempelajari segala ilmu yang dimiliki oleh gurunya. Pernah pada suatu ketika beliau tinggal di pondok walaupun di musim cuti kerana ingin mengikuti pengajian ilmu '*Arūd*' dan *Qāfiah* yang akan diajar oleh Tok kenali dua minggu sebelum bulan Ramadhan.¹³

¹⁰ Abdul Razak Mahmud (1988), "Dato' Haji Ismail Dalam Kenangan", majalah *Pengasuh*, bil. 493, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 5.

¹¹ Iaitu abang kepada Tuan Guru Haji Daud Bukit Abal. Beliau juga dikenali dengan nama Haji Ahmad Limbat atau Haji Mat Gutong. Meninggal dunia pada 21hb. Jun 1971 ketika berusia 83 tahun.

¹² Muhamad Yunan bin Haji Mahmud (1988). *op.cit.* h. 100.

¹³ *Ibid.* n. 115.

Masjid Muhammadi dalam era sebelum merdeka merupakan sebuah pusat pengajian ilmu Islam yang tertinggi di Kelantan. Kemuncak pengajian pondok di Kelantan akan berakhir di situ sebelum pelajar menyambung pengajiannya ke Mekah. Dato' Haji Ismail pada tahun 1930 telah berpindah ke Masjid Muhammadi untuk mengikuti pengajian di sana. Beliau telah dididik oleh tokoh ulama' yang terkenal pada masa itu. Antara gurunya Tok Kenali ¹⁴, Haji Wan Musa bin Haji Wan Abdul Samad, Haji Ahmad Manan (1884-1938), Haji Umar Nuruddin (1867-19460), Haji Saad Kangkung (1886-1943), Haji Yaakub Legor (1892-1971), Haji Ismail Pontianak (1876-1946), Haji Abdullah Tahir (1897-1961), Haji Ali Solahuddin Awang Pulai Pisang (1899-1968), Haji Ahmad Maher (1905-1968), Haji Yaakob Gajah Mati (1895-19578), Tuan Guru Haji Yaakub bin Hai Ahmad dan Tuan Guru Haji Ahmad al-Hafiz.¹⁵

Beliau belajar di masjid Muhammadi selama enam tahun dari 1930 hingga 1936. Sepanjang berpondok di sana beliau telah mempelajari berbagai ilmu agama, bahasa Arab dan pengetahuan umum. Pada tahun 1932 MAIK telah menyusun kurikulum pengajian dan sukanan pelajaran di masjid Muhammadi menjadikan pembelajaran lebih tersusun.

Dengan sistem pengajian baru Dato' Haji Ismail telah mempelajari beberapa buah kitab yang muktabar dalam pelbagai ilmu, antaranya :

¹⁴ Tok Kenali telah berpindah dari pondoknya untuk mengajar di masjid Muhammadi kerana menerima pelawaan kawannya Dato' Perdana Menteri.

¹⁵ Abdu Razak Muhamud (1987), "Masjid Muhammadi Kota Bharu (1867-1987)", dalam *Pengasuh*, bil. 490, Kota Bharu : Majlis Agama Islam Kelantan, 1987, h. 21.

- i. Ilmu Fekah : *Fathu al-Qarīb*, *al-Iqnā'*, *Fathu al-Wahhab*, *al-Muḥallā*, *Fathu al-Mu'in* dan *Kifāyah al-Akhyār*.
- ii. Ilmu Tauhid : *Kifāyah al-'Awwām*, *al-Baijūrī*, *al-Baijūrī 'alā al-Jāhrah* dan *Matan al-Sanusiyyah*.
- iii. Ilmu Tafsir : *Tafsīr al-Khāzin*, *al-Baīdāwī* dan *Jalālain*.
- iv. Bahasa Arab : *Qatrūn Nada*, *Shuzur al-Zahab*, *Al-Ashmuni*, *Syazal Uruf*, *Syarah Matan al-Maqṣud* dan *Lamiyatul al-Afaal*.
- v. Mantik : *Syarah al-Sulam* dan *Iqāh al-Mubham*.
- vi. Hadis : *Mishkautl Masabih*, *Sahih Bukhari*, *Sahih Muslim* dan *Sunan Tirmizi*.
- vii. Faraid : *Syarah ar-Rahbiyyah* dan *Syarah as-Shanshuri*.
- viii. Usul Fekah : *al-Ahkam* dan *Jamu' al-Jawamie*'.
- ix. Mustalah Hadis : *Matan al-Baikuniah* dan *Syarah Nakhabah al-Fikr*.
- x. Falak : *ar-Rubu' al-Mujib*.¹⁶

Antara pelajar-pelajar yang seangkatan dengannya di Halaqah Muhammadi ialah Haji Muhammad Noor But (1904-1994),¹⁷ Haji Shuib bin Haji Daud, Haji Muhamad bin Yusof dan Haji Wan Ahmad bin Haji Wan Ali, mereka bertiga berkhidmat sebagai guru di sekolah Maahad Muhammadi, Kota Bharu. Haji Nik Abdul Rahman bin Nik Yaacob pula berkhidmat sebagai Imam Besar masjid Muhammadi setelah pulang dari Mekah.¹⁸

Disamping mengikuti pengajian di Halaqah Muhammadi, Dato' Haji Ismail sentiasa berulang alik ke Kg. Sireh dengan berjalan kaki untuk mengikuti pengajian

¹⁶ *Ibid.* h. 23-25.

¹⁷ Nama penuhnya ialah Haji Muhammad Noor bin Haji Abdullah. Meninggal dunia pada tahun 1994 ketika berusia 90 tahun. Sekembalinya dari Mekah, beliau telah membuka pondok sendiri di kampung Bot setelah beberapa tahun mengajar di pondok mertuanya Haji Abdullah Tahir.

¹⁸ Temuramah dengan ustaz Abdul Razak Mahmud (2001), *op.cit.*

Hadis dengan Tok Khurasan. Antara kitab yang dipelajarinya ialah *Bidayatu al-Hidayah*. Setelah hampir 10 tahun berpondok dan berguru dengan tokoh-tokoh ulama' Kelantan beliau merasakan tidak sempurna pengajiannya jika tidak melanjutkan pelajaran di Mekah. Bagi memenuhi hasrat murni itu beliau sanggup meninggalkan tanah air dan isteri tercinta yang baru enam bulan dikahwini dan sedang mengandung anak sulung beliau.

3.2 Pendidikan di Tanah Suci Mekah.

Dengan hati yang amat berat untuk meninggalkan keluarga dan tanah air beliau gagahi juga untuk ke Mekah. Pada tahun 1937 ketika berusia 22 tahun Dato' Haji Ismail bertolak ke Mekah bersama sahabat-sahabat seperguruannya di Halaqah Muhammadi. Di sana beliau mendalami berbagai bidang ilmu Islam termasuklah Syariah, Usuluddin, bahasa Arab dan juga Tasawwuf. Oleh kerana kemiskinan beliau telah berada di sana selama 10 tahun tanpa pulang bercuti menjenguk keluarga di tanah air.

Semasa belajar di Masjid al-Haram beliau sempat berguru dengan beberapa orang ulama' terkemuka, mereka ialah Syeikh 'Ali al-Maliki, Syeikh Hasan Muhammad al-Mashhat, Syed Amin al-Katabi, Syed Alwi Syed Abbas al- Maliki, Syeikh Muhammad al-'Arabi, Syeikh Abdul Rahman bin Syeikh Muhammad al-Khatib al-Melebari, Syeikh Ibrahim al-Patani, Syeikh Sulaiman Ambon, Syeikh Hassan al-Yamani, Syeikh Haji Noh al-Kelantani dan Syeikh Husin al-Palembani.¹⁹

¹⁹ Muhamad Yunan bin Haji Mahmud (1988), *op.cit.*, h. 103 - 104.

Antara kitab-kitab yang dipelajainya di Mekah ialah :²⁰

- i. Fekah : *Fath al-Wahab, al-Muḥallā, al-Ignā'*, dan *Bidayah al-Hidayah*.
- ii. Tafsir : *al-Khāzin dan an-Nasafī*
- iii. Nahu : *Ibn 'Aqīl dan al-Asyhmūni*
- iv. Hadith : *Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan al-Tarmizi, Sunan Abi Daud* dan *Sunan al-Nasā'i*
- v. Sejarah Islam : *al-Muhadarah lil Sheikh al-Hadārī*
- vi. Tauhid : *Kifayah al-'Awwam, al-Bājuri* dan *ad-Dasūqī*
- vii. Mantik : *Syarh al-Sullam, Syarh al-Malawi* dan *Syarh al-Qutbi*
- viii. Usul Fekah : *Lubbu al- Usul, Jamu' al-Jawamie' dan al-Luma'.*
- ix. Balaghrah : *al-Jauhar al-Maknun.*

Di Mekah beliau hidup dalam keadaan yang amat sederhana, sepanjang tempoh belajar di Masjid al-Haram beliau hanya menerima wang yang diberi oleh keluarga sebanyak \$ 120.00 sahaja. Wang tersebut termasuklah tambang perjalanan dan bakinya untuk keperluan hidup. Oleh kerana kesempitan hidup beliau telah melakukan berbagai kerja sambilan bagi menampung keperluannya belajar di sana. Walau pun terpaksa menjalani kehidupan yang sukar namun semua itu tidak menjadikannya berputus asa malah memberi suatu semangat untuk lebih tekun belajar dan segera pulang ke tanah air.²¹

²⁰ *Ibid.*

²¹ Temuramah dengan Muhammad Hilmi, *op.cit.*

Setelah perang Dunia Kedua berlaku, pada tahun 1943 lautan Hindi tertutup kepada semua laluan di situ. Ekoran dari penutupan itu orang-orang Malaya di Mekah telah terputus hubungan dan berita dari tanah air. Wang juga tidak dapat dikirimkan oleh keluarga, maka para penuntut Malaya telah membuat permohonan untuk mendapat bantuan kewangan daripada Konsult British di Jeddah. Setelah diangkat permohonan tersebut diterima dengan bantuan sebanyak \$ 3.50 sebuah tiap seorang. Keadaan demikian berlanjut untuk beberapa lama sehinggalah bantuan ditambah menjadi \$ 7.00, \$ 10.00 dan akhirnya sebanyak \$ 20.00. Antara pelajar yang mendapat bantuan tersebut ialah Dato' Haji Ismail.²²

Beliau terpaksa mengikat perut untuk berjimat bagi meneruskan pengajian sehingga pada suatu hari beliau telah jatuh sakit kerana terkena demam panas selama beberapa hari. Apabila sembuh dari demam beliau dinasihati agar menjaga kesihatan dan memakan makanan yang berzat. Untuk menambah pendapatan ini beliau terpaksa berkerja di waktau lapang sebagai Tukang Emas dan mengukir logam. Walau bagaimana pun waktu belajar tidak pernah diabaikan. Beliau belajar sepenuh masa dengan menghafal pelajaran dan mengulang kaji semuanya pada setiap hari.

Disamping mengikuti halaqah pengajian di Masjid al-Haram beliau juga mengadakan majlis muzakarah dan mutalaah dengan kawan-kawan dalam beberapa buah kitab. Kesungguhan dan ketekunan yang telah beliau tunjukkan semasa belajar telah membawa hasil apabila beliau dapat menguasai segala ilmu yang dipelajarinya.

²² Muhamad Yunan bin Haji Mahmud (1988), *op.cit*, h. 106.

Pada tahun 1947 sekali lagi rakyat Malaysia memohon bantuan daripada konsult British untuk menyediakan sebuah kapal laut percuma bagi membawa pulang rakyat Malaya ke tanah air. Pada bulan Jun 1947 pihak kerajaan British telah menyediakan sebuah kapal laut untuk mengangkut rakyat Malaya. Kapal ini bertolak dari pelabuhan Jeddah dan inilah kapal yang mula-mula sekali belayar di lautan Hindi sehingga sampai ke Singapura pada bulan Julai 1947 yang penuh dengan orang-orang Malaya dan Pattani termasuklah beliau.²³

Setelah hampir 10 tahun di perantauan menuntut ilmu akhirnya beliau pulang bertemu keluarga dan anak watan untuk menabur jasa dan menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat.

4. SIFAT PERIBADI DAN KEWIBAWAANNYA

Kebanyakan orang yang mengenali Dato' Haji Ismail begitu juga anak-anak muridnya mengatakan beliau mempunyai sifat yang baik, tawaduk dan lemah lembut (Al-Hilm). Bila bercakap beliau sering menggunakan kata-kata yang baik. Begitu juga sifatnya terhadap anak-anak dan isteri. Kewibawaannya menyebabkan orang yang mengenali beliau merasa gerun dan disegani. Beliau tidak pernah menggunakan kata-kata yang kasar terhadap ahli keluarga dan sesiapa apalagi memukul mereka.

Dengan dihiasi sifat-sifat yang baik seperti ketabahan hati, tawaduk, mudah melemparkan senyuman, dan berbangga dengan pakaian ulama' iaitu berserban,

²³ *Ibid*

berbaju Melayu dan kain sarung menyebabkan beliau amat dihormati dan disegani oleh masyarakat. Walaupun terdapat beberapa pandangan beliau tidak diterima oleh sebahagian masyarakat namun keperibadiannya tetap disegani dan dihormati.

Dato' Haji Ismail seorang yang pendiam dan tidak banyak bercakap melainkan mengenai perkara-perkara yang perlu sahaja. Beliau jika bercakap, bercakap dengan laju sehingga jika tidak diberi perhatian ketika beliau menyebut sesuatu sebutan tersebut mungkin tidak difahami tetapi beliau seorang tekun dalam melakukan pekerjaan terutama penulisan.²⁴ Beliau juga seorang yang menghafal al-Quran keseluruhannya.²⁵

Sebagai seorang ulama' yang 'amilin beliau tidak suka menghabiskan masa dengan begitu saja. Setiap detik dari hidupnya dipenuhi dengan ibadat sama ada bersolat sunat, mentalaah kitab-kitab, menulis makalah atau buku mengenai Islam atau berfikir mengenai permasalahan agama. Beliau amat mengambil berat mengenai waktu lapang. Isteri beliau Datin Hajjah Che Hawa menceritakan kehidupan harian suaminya :

*"Dato' tidak suka menghabiskan masa dengan sia-sia. Apabila dia balik dari pejabat sambil menunggu untuk minum petang dia akan membelik buku-buku atau menulis makalah sekadar masa yang terluang. Begitu juga selepas solat Isya', biasanya dia banyak menghabiskan masa dengan membaca kitab atau menulis ..."*²⁶

²⁴ Temuramah dengan Mohd. Sahimi bin Haji Jusoh, *op.cit.*

²⁵ Temuramah dengan Dato' Haji Hasbullah bin Haji Hassan, *op.cit.*

²⁶ Temuramah dengan Datin Hajjah Che Hawa isteri Dato' Haji Ismail di rumah beliau di Kg. Sireh, Kota Bharu pada 8hb. Mac 2002 pada pukul 5.00 petang.

Pada waktu malam beliau sering bangun untuk bersolat tahajud, membaca al-Quran dan berwirid. Menjadi kebiasaan beliau akan bangun lebih awal sebelum Subuh dan waktu itu selain dari beribadat beliau gunakan untuk menulis makalah. Kewarakan beliau amat terserlah pada cara pemakaiannya. Walaupun menjawat jawatan Mufti namun ke mana saja beliau pergi pakaiannya tetap sama iaitu berserban, berbaju Melayu dan kain sarung.

Beliau juga tidak takabbur dengan jawatan dan gelaran yang dimiliki, malah ketika baginda sultan ingin menganugerahkan gelaran Dato' kepadanya beliau pada peringkat awalnya enggan menerima gelaran tersebut. Mengikut cerita anaknya Muhamad Hilmi : "Almarhum Dato' sering makan nasi bungkus bersama pemandu keretanya dan minum bersama walaupun dia adalah seorang Dato' Mufti".²⁷

Beliau mempunyai hati yang tabah dalam mengharungi liku-liku hidup. Kesulitan hidup sepanjang menuntut ilmu di pondok dan di tanah suci banyak mengajar beliau untuk meneruskan hidup bersama keluarga. Ketika baru berpindah bersama kelaurga dari Pasir Puteh ke Kg. Sireh beliau tidak membawa apa-apa harta. "Di Kg. Sireh beliau memulakan hidupnya dari kosong", kata anaknya Muhamad Hilmi. Di masa itu beliau mengajar di Jamie' Merbau al-Ismaili, oleh kerana tidak mampu untuk membeli basikal sebagai kenderaan ke tempat kerja beliau berjalan kaki dari rumah ke tempat kerja sehingga beliau terpaksa berhutang dengan seorang kawan dari Kg. Sireh untuk membeli basikal. Pada sebelah petang beliau mengukir emas dan logam secara sambilan. Kemahiran ini dipelajarinya semasa di Mekah.



²⁷ Temuramah dengan Muhamad Hilmi, *op.cit.*

Pengalaman semasa belajar telah mengajar beliau agar bersifat tawaduk dan dermawan walaupun telah mencapai kejayaan dalam hidup. Beliau terkenal dengan sifat suka menderma. Untuk membesarlu surau al-Sa'ādah al-Isma'iliah di Kg. Sireh beliau telah mendermakan hartanya sendiri disamping berusaha mengumpulkan wang derma orang ramai dengan mengedarkan resit-resit derma. Oleh kerana ingin melihat para pelajar dapat menyambung pelajaran ke sekolah agama walaupun tidak dapat memasuki Maahad Muhammadi, Dato' Haji Ismail telah berusaha bersama jawatankuasa sekolah untuk mendapatkan tanah bagi membina sebuah sekolah agama yang kini di kenali dengan nama SMU(A) Maktab Pengajian Islam di Jalan Bayam, Kota Bharu.²⁸ Semasa hayatnya almarhum telah mewakafkan tanah pusaka miliknya untuk dibina masjid Kg. Gong kemuning, dengan bantuan dari adik beradik dan masyarakat setempat masjid tersebut dapat didirikan dan kini masih digunakan sebagai masjid mukim.²⁹

Dato' Haji Ismail seorang ulama' yang amat mencintai ilmu pengetahuan. Keseluruhan masa mudanya dihabiskan untuk mendalami ilmu pengetahuan dari para ulama' di Kelantan dan Mekah. Soal mendapat ganjaran meterial dari ilmu tidak pernah difikirkannya. Ketika berada di Mekah pernah beliau tidak berkesempatan memasak nasi kerana masa tidak mencukupi untuk mengahdiri halaqah pengajian selepas sembahyang Zuhur. Kadang-kadang terpaksa memasak nasi hanya dengan menyalakan arang dan diletakkan periuk di atasnya serta daging kering diletakkan

²⁸ Temuramah dengan Muhamad Hilmi, *op.cit.*

²⁹ Temuramah dengan Zawiah binti Haji Yusoff, *op.cit.*

berhampiran periuk lalu ditinggalkan untuk belajar. Setelah pulang barulah dimakan nasi dan daging tersebut sama ada masak atau sebaliknya.³⁰

Disamping menguasai ilmu agama beliau juga amat meminati seni halus dan ukiran. Semasa belajar di Mekah beliau telah mempelajari seni mengukir dan menempa emas. Hasil dari pengalaman itu beliau menjadi seorang tukang emas sambilan di rumahnya semasa mula-mula datang ke Kg. Sireh. Dengan pendapatan sambilan itu beliau menyara keluarga disamping gaji yang didapatinya sebagai guru di Jamie Merbau al-Ismaili.³¹ Almarhum mempunyai minat yang mendalam mengenai barang-barang antik dan ukiran, oleh kerana itulah beliau berbanyak menyimpan barang-barang tersebut seperti keris, cincin dan bahan logam. Beliau mempunyai koleksi keris Melayu sebanyak 11 bilah dan beberapa bentuk cincin dan barang hiasan yang lain yang kini tersimpan di rumahnya.³²

Kerana cintakan ilmu pengetahuan dan ingin membaiki kelemahan diri, Di penghujung 50-an almarhum mempelajari bahasa Inggeris dengan seorang Qadhi Kota Bharu di sebelah petang Sabtu. Pada ketika itu beliau masih mengajar di Jamie' Merbau.³³

Di antara kehebatan beliau, almarhum telah mencipta sebuah *Taqwim Hijri-Masihi* yang unik yang boleh digunakan selama 40 tahun mulai tahun 1964 sehingga

³⁰ Muhamad Yunan bin Haji Mahmud (1988), *op.cit.*, h. 116.

³¹ Temuramah dengan Muhamad Hilmie, *op.cit.*

³² Terdapat satu sudut khas di rumah beliau untuk menyimpan barang-barang tersebut.

³³ Temuramah dengan Yusof bin Mat Sah. 72 tahun di rumah beliau di Kg. Bukit Awang, Pasir Putih pada 26hb. April 2002.

tahun 2005. Taqwim ini berbentuk bulat dan dicetak di atas dua helai kertas kad dijual dengan harga 50 sen sebuah. Wang hasil jualan taqwim tersebut digunakan untuk membina Maktab Pengajian Islam.³⁴

Kemulian sifat dan ketinggian peribadi almarhum menyebabkan beliau dihormati hingga kini walaupun hampir 15 tahun beliau meninggalkan dunia. Sifat-sifat yang mulia itu telah menular dalam kehidupan kaum keluarganya. Setelah beberapa kali penulis bertemu dengan ahli keluarganya untuk bertemu bual penulis dapat isteri dan anak-anaknya amat mudah mesra dan melemparkan senyuman manis terutama isteri beliau.

5. KERJAYA

Dato' Haji Ismail memulakan kerjaya sebagai guru agama setelah pulang ke tanah air pada tahun 1947 dengan membuka pondok di kg. Sireh, Kota Bharu. Dua tahun kemudian dilantik sebagai guru agama di Jamie' Merbau al-Isma'ili. Disamping mengajar di sekolah beliau juga dilantik sebagai tenaga pengajar di masjid Muahmmadi, Kota Bharu. Setelah berbakti selama 20 tahun dalam bidang pendidikan beliau beralih mencurahkan bakti dalam bidang pentadbiran agama.

Dengan permulaan sebagai Qadhi Jajahan Kota Bharu pada 1hb. Mei 1969 beliau memulakan kerjaya pegawai pentadbir agama setelah itu bertukar ke Pejabat Mufti Kerajaan Negeri sebagai setiausaha Mufti. Pada tahun 1979 beliau dilantik

³⁴ Temuramah dengan ustaz Abdul Razak Mahmud. *op.cit*. Penulis ditunjukkan sebuah alat yang digunakan untuk membuat takwim yang diperbuat dari logam. Alat tersebut dikatakan telah dibawa oleh almarhum dari Mekah untuk tujuan yang berkaitan dengan ilmu Falak.

sebagai Timbalan Mufti setalah jawatan itu diwujudkan buat pertama kalinya. Lapan tahun berkhidmat bersama Dato' Mufti Haji Muhammad Noor sebagai timbalannya sehinggahalah pada 1hb. April 1987 telah dilantik oleh baginda sultan Ismail sebagai Mufti kerajaan negeri yang ke-10 mengantikan Dato' Haji Muhd. Noor yang telah meninggal dunia.

Sumbangan Dato' Haji Ismail adalah teramat besar sepanjang hayatnya kepada masyarakat Kelantan. Untuk membincangkan sumbangan dan peranan beliau penulis akan membincangkan secara terperinci pada bab-bab berikut.

6. PENGHARGAAN DAN KURNIAAN.

Bagi menghargai jasa-jasa dan sumbangan beliau dalam berbagai bidang yang diceburi terutamanya dalam perkembangan Islam di Kelantan, almarhum Dato' Haji Ismail telah dianugerahkan Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (al-Ibrahimi) D.P.S.K yang membawa gelaran Dato' oleh KeBawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra Ibn al-Marhum Sultan Yahya Petra sempena sambutan ulang tahun keputeraan baginda pada 31hb. Mac 1980 bersamaan 14hb. Jamadil Awwal 1400 H.³⁵

Pada tahun 1987 Almarhum telah di anugerahkan pingat M.P.N (Majlis Penasihat Negeri) dan Pingat M.P.R (Majlis Penasihat Raja). Dan bagi mengenang jasa bakti Almarhum Dato' Haji Ismail dalam bidang pendidikan Islam di Kelantan

³⁵ *Senarai Kehormatan Istaiadat Kemahkotaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra Ibn al-Marhum Sultan Yahya Petra tahun 1980* Warta Kerajaan Negeri Kelantan , Mac 1980, h. 1.

beliau telah dipilih sebagai Tokoh Pendidikan Yayasan Islam Kelantan pada suatu majlis yang diadakan di SMU(A) Tumpat pada 18hb. Julai 1985. Anugerah tersebut disampaikan oleh tan Sri Dato' Haji Muhamad bin Yaakub, Menteri Besar Kelantan.

7. KEMBALI KE RAHMATULLAH

Pada bulan Jun 1988, Dato' Haji Ismail telah mengetuai satu rombongan Majlis Agama Islam Kelantan ke Mekah. Setelah menjalankan tugas rasmi beliau dan rombongan sempat menunaikan ibadat umrah sebelum pulang ke tanah air. Untuk dijadikan sebab beliau pergi meninggalkan kita semua, lawatan itu telah mengganggu kesihatannya, dan keadaan itu bertambah teruk dari hari ke hari selama dua minggu.³⁶ Pada tengahari Sabtu 9hb. Julai 1988 Dato' Haji Ismail telah menghembus nafasnya yang terakhir di kediaman beliau di Kg. Sireh, Kota Bharu.

Jenazah Almarhum selamat dikebumikan di perkuburan Paya³⁷ Kg. Sireh pada petang hari yang sama. Ramai sahabat handai, para ulama', kerabat Di Raja dan masyarakat Islam sekitar datang memberi penghormatan terakhir kepadanya. Hampir 200 orang kaum muslimin mengerangi jenazah beliau ke tanah perkuburan.³⁸

Dengan kematian Almarhum Dato' Haji Ismail, negeri Kelantan telah kehilangan seorang lagi tokoh ilmuwan Islam yang berwibawa yang menjadi sumber

³⁶ Temuramah dengan Datin Hajjah Che Hawa, *op.cit.*

³⁷ Pusara Dato' Haji Ismail terletak di kawasan Perkuburan Paya, Kg. Sireh di sebelah hilir jalan Hamzah, Kota Bharu.

³⁸ Abdul Razak Mahmud (1988), *op.cit.* h. 41.

rujukan masyarakat Islam. Pemergian beliau menambahkan jumlah tok-tok guru yang telah pergi sekaligus mengurangkan bilangan yang masih ada. Tidak syak lagi bahawa kehilangan tokoh ulama³⁹ ini merupakan satu kehilangan yang sukar dicari ganti dan sangat dirasai oleh masyarakat Islam Kelantan khususnya dan Malaysia amnya.³⁹

Almarhum meninggalkan seorang bala, Hajjah Che Hawa bin Che Muhammad, isteri yang dikahwininya pada tahun 1936 dan tiga orang anak ; seorang putera bernama Haji Muhamad Hilmi dan dua orang puteri ; Datin Dr. Paizah dan Puan Hasniah.

³⁹ Abdul Razak Mahmud (1996). *op.cit*. h. 343 – 344.